

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG  
KAWASAN : ALOR GAJAH  
TARIKH : 13.10.2014 (ISNIN)  
NO. SOALAN : 43

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah hasil kajian mengenai kesan pemansuhan sistem Open Approved Permit (Open AP). Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pandangan Institut Automotif Malaysia (MAI) bahawa Open AP tidak menyumbang kepada pembangunan industri automotif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian menyeluruh mengenai AP Terbuka bagi menilai implikasinya dalam pembangunan sektor automotif tempatan masih sedang dijalankan dan akan dimuktamadkan penghujung tahun ini. Kajian yang sedang dijalankan ini melibatkan industri automotif, persatuan pengguna dan masyarakat bagi memastikan sebarang keputusan dibuat oleh Kerajaan kelak adalah seimbang dengan mengambil kira kepentingan semua pihak disamping mengelakkan Kerajaan dianggap membuat keputusan mengenai isu-isu sensitif tanpa mengira pandangan semua pihak.

Pada dasarnya, MAI mengambil maklum terhadap sumbangan AP Terbuka terhadap industri automotif tempatan terutamanya dari segi jualan kenderaan dan juga sektor lepas jualan. Selain itu, sistem ini juga telah banyak menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi negara dari segi peluang pekerjaan, pendapatan Kerajaan melalui kutipan cukai dan peluang-peluang perniagaan lain yang melibatkan industri sokongan dan sektor-sektor perkhidmatan seperti bank, insurans, perkapalan dan logistik.

Walau bagaimanapun, MAI berpendapat bahawa sumbangan terhadap industri automotif tempatan boleh dipertingkatkan lagi terutamanya dalam bidang-bidang berikut:

- (i) teknologi dan kejuruteraan;
- (ii) peluasan pasaran;
- (iii) pembangunan rantaian pembekal komponen dan alat ganti;
- (iv) pembangunan modal insan; dan
- (v) pembangunan aspek keselamatan serta alam sekitar.